

Keratan Akhbar bertarikh 27 Julai 2016

Sinar Harian, Malaysia

Jamin bekalan air cukup



Mohamed Azmin melihat penggantian paip air di 12 kawasan yang sering mengalami gangguan bekalan air akibat paip pecah atau bocor.

■ FOTO: AFIQ RAZALI

AMPANG - Kerajaan Negeri Selangor sekali lagi memberi jaminan bahawa bekalan air terawat kepada rakyat di negeri ini mencukupi. Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, kerajaan negeri juga tidak mahu melaksanakan catuan bekalan air.

"Walaupun ia mengundang risiko besar, saya berani ambil keputusan itu kerana melihat pengurusan air di negeri ini yang cekap," katanya. Menurutnya, kerajaan negeri juga melakukan pemeriksaan ke atas loji rawatan air di negeri ini.

Beliau berkata, jika ada keperluan menambahkan pihaknya akan memberikan perhatian supaya loji tersebut dapat beroperasi dengan selamat tanpa gangguan.

"Sebahagian besar loji ini usianya agak lanjut. Kami sedang teliti aspek struktur, keupayaan teknikal dan sistem pemprosesan setiap loji itu agar loji berkenaan dapat dikenal pasti kapasiti atau tahap keupayaannya untuk memproses air terawat," katanya pada majlis Pelancaran Program Penggantian Paip Air Lama di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya 2016, di Taman Melawati, semalam.